

# Sultan Johor nasihat mahasiswa usah pilih jalan pintas untuk berjaya

**Batu Pahat:** Penuntut dan graduan institusi pengajian tinggi (IPT) usah menyalahgunakan ilmu untuk tujuan tidak berfaedah hingga sanggup menipu dan mencuri.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar bertitah, ijazah yang diperoleh adalah simbol kejayaan mahasiswa di atas usaha serta titik peluh mereka, justeru ia jangan disia-siakan.

“Saya ingin berpesan kepada semua graduan supaya carilah rezeki halal dan jangan terpengaruh dengan rakan yang cetek akal. Janganlah menyalahgunakan ilmu yang dipelajari untuk tujuan tidak berfaedah termasuk menipu dan mencuri.

“Kehidupan di dunia memang banyak cabaran namun jangan pilih jalan pintas untuk berjaya. Graduan perlu bermula dari bawah serta sentiasa tingkatkan kualiti diri,” titah baginda.

Sultan Ibrahim yang juga Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bertitah, graduan perlu merancang kehidupan dengan sempurna dan tidak ter-

ikut-ikut dengan pengaruh rakan.

“Sekiranya kejayaan diharapkan belum dicapai, buatlah dulu apa juga kerja yang boleh beri pendapatan dan rezeki halal,” titah baginda ketika merasmikan Majlis Konvokesyen UTHM Ke-16 di Dewan Sultan Ibrahim di sini, semalam.

Baginda turut berkenan menyampaikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Gabenor Sulawesi Selatan, Dr Syahrul Yasin Limpo atas sumbangan beliau membangunkan wilayah itu.

Hadir sama, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Ibrahim yang juga Pro Canselor UTHM, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga Pro Canselor UTHM.

Sultan Ibrahim bertitah supaya graduan tidak lupa membalas jasa ibu bapa yang menjadi nadi kejayaan mereka.

Baginda bertitah, jangan sombong dengan ilmu pengetahuan yang ada kerana tanpa doa restu keluarga, kejayaan diperolehi tidak bermakna.